

0021

U 0570 DEB  
MAHATHIR - BANK

MELAKA, 21 OGOS (BERNAMA) -- BANK-BANK PERDAGANGAN HARI INI DIGESA SUPAYA MENURUNKAN LAGI KADAR FAEDAH PINJAMAN KE PARAS YANG LEBIH MUNASABAH BAGI MEMOLEHKAN PARA PENGUSAHA YANG BERPOTENSI MENYUMBANG KE ARAH PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, KETIKA MEMBUAT GESAAH ITU, BERKATA MESKIPUN PENURUNAN KADAR FAEDAH PINJAMAN BARU-BARU INI ADALAH MENGGALAKKAN TETAPI KERAJAAN BERHARAP IA AKAN BERADA PADA PARAS YANG LEBIH MUNASABAH LAGI.

BELIAU BERKATA BANK-BANK DAN INSTITUSI KEWANGAN YANG LAIN MESTILAH MEMBANTU MEMASTIKAN BAHAWA PENYEDIAAN SUMBER-SUMBER KEWANSAM DAPAT DIPEROLEHI PADA KOS YANG MUNASABAH.

+KERAJAAN HAIRAN MENGAPA KADAR FAEDAH PINJAMAN SANGAT SUKAR DIKURANSKAN APABILA PASARAN WANG DIBANJIRI OLEH MUDAHTUNAI DAN KADAR FAEDAH PASARAN WANG ANTARA BANK BERADA PADA PARAS YANG PALING RENDAH DALAM TEMPOH SETAHUN SETENGAH LALU,+ KATANYA SEMASA MERASHIKAN BANGUNAN BANK NEGARA MALAYSIA CAWANGAN MELAKA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BIMBANG TERHADAP SIKAP BANK-BANK YANG TERLALU MEMUHPUKAN KEPADA SEKURITI DAN CAGARAM, KERANA KATANYA, CAGARAM HARTA TIDAK BEGITU SELAMAT KERANA DI WAKTU KEMELESETAN, NILAI HARTA BOLEH TURUN JAUH LEBIH RENDAH DARIPADA HUTANG YANG DIBERI. -- LAGI.

1845MST 21 08 88

U 0571 DEB  
MAHATHIR - BANK 2 MELAKA

SUNGGUHPUN BANK-BANK PERLU BERHATI-HATI TERHADAP KEMAMPUAN PEMINJAM MAMBAYAR BALIK PINJAMAN, MEREKA SEHARUSNYA SANGGUP MENGAMBIL RISIKO YANG BERPATUTAN DENGAN MEMBERI PINJAMAN BERDASARKAN DAYA MAJU PROJEK DAN KEBOLEHAN PEMINJAM MENGURUSKAN PROJEK TERSEBUT, TAMBAHNYA.

MENURUT BELIAU, JIKA KEMAMPUAN PENGURUSAN DIKHUATIRI BANK MASIH BOLEH MENGAMBIL EKUITI DALAM PROJEK BERKENAAN.

EKONOMI NEGARA KINI LEBIH KUKUH DISEBABKAN PERTAMBAHAN EKSPORT KOMODITI UTAMA DAN PEMINGKATAN PENGELUARAN PERKILANGAN SEJAK TAHUN LEPAS, KATA BELIAU SAMBIL MENAMBAH BAHAWA KESTABILAN HARGA DALAM NEGERI JUGA MENGGALAKKAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KADAR INFLASI JUGA RENDAH SEJAK LIMA ATAU ENAM TAHUN KEBELAKANGAN DAN SALAH SATU SEBAB KADAR INFLASI TIDAK MENINGKAT IALAH KERANA KUASA MEMBELI RAKYAT YANG TIDAK MENINGKAT DENGAN PESAT DAN BEKALAN BARANGAN YANG MEMUASKAN.

KATANYA KOS PENGELUARAN AKAN MENINGKAT JIKA KUASA MEMBELI INDIVIDU TERLALU TINGGI SEHINGGA BOLEH MENGAKIBATKAN NEGARA MENJADI KURANG DAYA BERSAING DI SAMPING PENDAPATAN SERTA PELUANG PEKERJAAN YANG TERHAD. -- LAGI.

1847MST 21 08 88

U 8574 DEB  
MAHATHIR - BANK 3 MELAKA

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA PELABURAN ASING MENINGKAT LIMA KALI GANDA PADA SEPARUH PERTAMA TAHUN INI BERBANDING TEMPOR YANG SAMA TAHUN LEPAS MANAKALA PELABURAN SWASTA DALAM NEGERI DIANGGARKAN MENINGKAT DALAM SEPARUH KEDUA TAHUN INI.

KAJIAN BANK NEGARA DAN MIDA MENUNJUKKAN BAHAWA KEBANYAKAN SYARIKAT TELAH MEMENUHI KAPASITI KEUPAYAAN MEREKA IAITU MELEBIHI 80 PERATUS. TAMBAHNYA, BELIAU YAKIN PERKEMBANGAN INI AKAN MENAMBAH PELUANG PEKERJAAN KEPADA MEREKA YANG SANGGUP BEKERJA.

KEJAYAAN EKONOMI NEGARA JUGA BERGANTUNG KEPADA KERJASAMA TEMAGA BURUH YANG BERDISPLIN DAN PRODUKTIF, LEBIH-LEBIH LAGI APABILA NEGARA SEDANG MENGHADAPI PERSAINGAN YANG BERTAMBAH DI PASARAN DUNIA, KATANYA.

+JIKA PEKERJA MALAYSIA TERKENAL DENGAN DAYA PENGELUARAN YANG TINGGI DAN TIDAK BERMINAT DENGAN TINDAKAN LIAR, PELUANG PEKERJAAN BAGI MEREKA YANG MASIH MENGANGGUR AKAN BERTAMBAH,+ KATA BELIAU.

MENGENAI PELANCONGAN, BELIAU BERKATA, KERAJAAN TIDAK AKAN MELIBATKAN DIRI SECARA LANGSUNG SEPERTI YANG DILAKUKAN SEBELUM INI TETAPI SEKADAR MEMBUAT PROMOSI, MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR, INSENTIF SERTA MEMPERBAIKI PERHUBUNGAN UDARA, LAUT DAN JALAN RAYA. -- LAGI.  
1901MST 21 08 88

MAHATHIR - BANK 4 MELAKA

SAMBIL MENYATAKAN BAHAWA USAHA DAN KEMUDAHAN LAIN MESTILAH DILAKUKAN DENGAN INISIATIF PIHAK SWASTA, BELIAU BERKATA PARA PENGURUS PELANCONGAN TIDAK SEHARUSNYA BERGANTUNG KEPADA SIFAT SEMULA JADI YANG ADA TETAPI IA HENDAKKAN DIPUPUK SECARA SISTEMATIK DENGAN MENGADAKAN KEMPEN DAN LATIHAN UNTUK MEREKA YANG TERLIBAT DALAM INDUSTRI ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGAMBIL CONTOH KEJAYAAN PENERBANGAN MALAYSIA YANG MENJADI TERKENAL KERANA PRESTASI LAYANANNYA YANG MEMUASKAN KEPADA PELANCONG.

BELIAU MENAMBAH KATA, INDUSTRI PELANCONGAN BUKAN SAHAJA MEMPUNYAI POTENSI YANG BESAR BAGI MEMUJUKAN PELUANG PEKERJAAN MALAHAN MEMAJUKAN HASIL PERTUKANGAN DAN KRAFTANGAN NEGARA DI SAMPING KESAN SAMPINGAN YANG LAIN.

MENGENAI BANGUNAN BARU CAWANGAN BANK NEGARA BERTAMBAH \$7 JUTA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA IA WAJIB MEMANDANGKAN BIDANG PENGAWASAN BANK ITU YANG SEMAKIN LUAS MELIPUTI KOPERASI PENGAMBIL DEPOSIT DAN INDUSTRI INSURANS.

BELIAU MENASIHATI PIHAK PENGURUSAN BANK-BANK SUPAYA MENGURUS DENGAN PENUH AMANAH DAN KECEKAPAN AGAR BANK NEGARA TIDAK PERLU MENGAWASI MEREKA SEPANJANG MASA. -- LAGI.

1911MST 21 08 88

0041

U 8581 DEB  
BANK 5 MELAKA

BANGUNAN BARU ITU YANG MEMPUNYAI REKA BENTUK SENI BINA TEMPATAN MELAKA TERLETAK BERTAMPAHAN BEBERAPA KESAN SEJARAH SEPERTI PERIGI HANG LI PO DAN BUKIT CINA. IA MULA DIGUNAKAN PADA 9 MEI LEPAS.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH KETUA MENTERI DATUK SERI ABDUL RAHIM TAMBY CHIK DAN GABENOR BANK NEGARA TAN SRI JAFFAR HUSSEIN.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI SERTA ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI SERTA BEBERAPA MENTERI KABINET, DIIRINGI OLEH DATUK SERI ABDUL RAHIM, MENYAKSIKAN PERTANDINGAN SUMPITAN PERINGKAT KEDANGSAAN DI DUSUM DATUK MURAD, AIR KEROH.

ACARA-ACARA YANG DIPERTANDINGKAN IALAH MENYUMPIT KE SASARAN DAN SUMPITAN JARAK JAUH. -- BERNAMA.

1921MST 21 08 88